



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8000 8000 Email: aduan@rurallink.gov.my | webmaster@rurallink.gov.my

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

E-KERATAN AKHBAR HARIAN

TARIKH : 10-11 MAC 2020

RUJUKAN : KPLB.UKK.600-11(15)

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

 www.rurallink.gov.my

 Kementerian Pembangunan Luar Bandar

 [kplb_gov](https://twitter.com/kplb_gov)

 [kplb_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)

 [kplb Official](https://www.youtube.com/kplbOfficial)



Elaun MPKK dibayar setakat Februari

Langkah sejajar penangguhan sementara tugas sehingga menteri baharu dilantik

Oleh Hassan Omar
bhnews@bh.com.my

Melaka: Elaun 15,434 ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di seluruh negara hanya dibayar setakat Februari lalu berikutan penangguhan sementara tugas MPKK sehingga pelantikan Menteri Pembangunan Luar Bandar (KPLB) baharu.

Ketua Setiausaha KPLB, Datuk

Dr Ahmad Jailani Muhamed Yunus dalam pekeliling yang diardarkan pada Rabu lalu menjelaskan, pembayaran elaun setakat Februari itu dibuat sejajar peletakan jawatan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 24 Februari lalu dan pembatalan tugas semua menteri pada tarikh berkenaan.

Sehubungan itu, semua urusan berkaitan MPKK seperti pelantikan, pembayaran elaun, pertukaran dan sempamanya ditangguhkan sementara," katanya.

"Penangguhan sementara ini berkuat kuasa sehingga mendapat dasar baharu dan hala tuju berkaitan MPKK yang baharu daripada Menteri Pembangunan Luar Bandar," katanya.

Pengerusi MPKK menerima elaun bulanan RM500, manakala



Dr Ahmad Jailani Muhamed Yunus

Setiausaha (RM300), pengendalian mesyuarat (RM100) dan kehadiran mesyuarat (RM50).

Sementara itu, Penghulu Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Udang, dekat sini, Mohd Nizam Dawood berkata, pekeliling itu dikeluarkan sejajar arahan ti-

ga pejabat daerah di negeri ini kepada 28 Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) di seluruh Melaka supaya mengosongkan bangunan Jumaat lalu berikutan kejatuhan kerajaan Pakatan Harapan (PH).

"Pekeliling KPLB itu adalah sah dan semua 316 MPKK seluruh Melaka sudah dimaklumkan mengenainya oleh JAPERUN masing-masing," katanya ketika dihubungi semalam.

Sementara itu, berdasarkan pekeliling dikeluarkan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Alor Gajah, PDT Melaka Tengah dan PDT Jasin Isnin lalu, selain mengosongkan bangunan, arahan itu turut membabitkan semua pentadbir JAPERUN supaya menyerahkan senarai aset bangunan JAPE-

RUN, balai raya dan dewan komuniti kepada Penghulu di setiap DUN.

Pentadbir JAPERUN juga diarahkan mengemas kini salinan penyata akaun terkini dan laporan kewangan perbelanjaan JAPERUN.

Bekas Pengerusi MPKK Padang Kemunting, Masjid Tanah dekat Alor Gajah, Zainal Hassan, 57, berkata beliau sudah dimaklumkan mengenai pekeliling KPLB oleh pentadbir JAPERUN Tanjung Bidara semalam.

Katanya, sepanjang perkhidmatannya, beliau sudah berusaha sedaya upaya untuk memajukan kampung berkenaan dan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu menjayakan pelbagai program untuk memajukan anggota komuniti.



MARA sasar 18 lagi U.n.i Klinik dibuka tahun ini

ProSPEC terus dapat sambutan menggalakkan usahawan bidang profesional

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Semenyih: Majlis Amanah Rakyat (MARA) komited melahirkan lebih ramai usahawan profesional khususnya dalam bidang perubatan untuk memiliki klinik sendiri dengan jenama U.n.i Klinik, menerusi Program Pembangunan Usahawan Profesional (ProSPEC) MARA.

Ketua Pengarahnya, Datuk Azhar Abdul Manaf, berkata menerusi usaha itu, sebanyak RM10.8 juta peruntukan bantuan kemudahan pembiayaan perniagaan di-

sediakan untuk menyokong doktor perubatan memiliki klinik sendiri.

Katanya, ProSPEC diwujudkan sejak 1999, tetapi bantuan khusus untuk membuka klinik dimulakan pada Julai 2018 dan sambutan diterima amat menggalakkan apabila sehingga kini sebanyak 18 U.n.i Klinik dibuka di seluruh negara, pada fasa pertama mulai tahun lalu.

"Melihat kepada maklum balas masyarakat setempat dan kesan memberangsangkan dari segi pendapatan klinik itu, membuatkan MARA meneruskan fasa kedua pada tahun ini dengan sasaran sebanyak 18 U.n.i Klinik akan dibuka lagi.

"Objektif ProSPEC menerusi penubuhan U.n.i Klinik adalah semata-mata untuk membantu usahawan dalam bidang profesional meningkatkan perniagaan dan ekuiti, memberikan galakan kepada pelajar tajaan MARA menubuhkan perniagaan serta mening-



Azhar (kanan) menandatangani plak perasmian sambil diperhatikan Dr Siti Farhana ketika merasmikan pembukaan U.n.i Klinik Ke-19, di Semenyih, semalam.
(Foto MOHAMAD Shahril Badri Saali/BH)

katkan penyertaan usahawan Bumiputera dalam bidang profesional.

"MARA memberi bantuan pembiayaan sehingga RM300,000 untuk membuka klinik dan sehingga Februari lalu, sejumlah RM5.7 juta pembiayaan sudah disalurkan untuk pembukaan 19 U.n.i Klinik," katanya ketika ditemui selepas merasmikan pembukaan U.n.i Klinik Ke-19, di sini, semalam.

Azhar berkata, di bawah ProSPEC MARA pula, sebanyak RM 73.4 juta membabitkan 872 usahawan dalam pelbagai bidang profesional antaranya farmasi, keju-

ruteraan, guaman, perakaunan, seni bina dan juru ukur bahan beraja dibantu oleh MARA.

Beliau berkata, ternyata usaha MARA membuahkan hasil kerana setakat Ogos 2019, pendapatan kasar yang diperoleh 18 usahawan fasa pertama adalah sebanyak RM480,000 sebulan.

"Ini menunjukkan U.n.i Klinik sudah mencapai peningkatan secara optimum dari segi pendapatan dan pengiktirafan masyarakat setempat," katanya.

Sementara itu, pemilik U.n.i Klinik, Dr Siti Farhana Mustapai, berkata kemudahan yang disediakan oleh MARA berjaya mem-

bantu merealisasikan impiannya memiliki klinik sendiri.

"Sebagai doktor, saya juga belajar perkara baharu, iaitu selok belok perniagaan dan ia sangat berbeza jika saya bekerja di hospital sahaja kerana semuanya perlu diuruskan sendiri, bukan setakat merawat pesakit.

"Terima kasih kepada MARA kerana sentiasa memberi sokongan kepada usahawan baharu seperti saya dan turut memberi bimbingan dalam perniagaan," katanya yang sebelum ini pernah bertugas di Hospital Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan Hospital Putrajaya.